KOLONEL DR FAIZ AZRAAI ABDUL AZIZ lwn. MAHKAMAH TENTERA DIVISYEN KEEMPAT INFANTRI MALAYSIA

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
LEE SWEE SENG HMR
CHE MOHD RUZIMA GHAZALI HMR
GHAZALI CHA HMR
[RAYUAN SIVIL NO: W-01(A)-434-08-2019]
2 JUN 2022

Abstrak – *Keputusan untuk mengenakan pertuduhan bawah perenggan 54(1)(a) Akta Angkatan Tentera 1972 terhadap perayu, seorang Kolonel yang bertugas sebagai pakar bius di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Kuala Lumpur, kerana meninggalkan perkhidmatan dengan niat untuk tidak hadir bertugas selama-lamanya adalah keputusan pihak berkuasa lebih tinggi perayu sendiri. Oleh itu, budi bicara untuk menentukan pertuduhan terhadap perayu telah dijalankan oleh pihak berkuasa yang diberi kuasa bawah undang-undang. Tempoh perayu tidak hadir bertugas agak lama dan tiada sebarang tanda atau petunjuk menunjukkan niat perayu untuk kembali bertugas sehinggalah perayu ditangkap. Tiada kesilapan oleh pihak responden apabila memutuskan pihak pendakwa berjaya membuktikan kes prima facie terhadap perayu. Keputusan tersebut tidak dicemari dengan kekhilafan undang-undang, tindakan tidak rasional atau ketidakpatuhan prosedur.*

ANGKATAN TENTERA: *Tinggal tugas – Kesalahan – Akta Angkatan Tentera 1972, s. 54(1)(a) – Sama ada pertuduhan defektif – Sama ada perayu berniat meninggalkan perkhidmatan – Penangkapan dan penahanan perayu – Sama ada sah – Sama ada terdapat kekhilafan undang-undang dan ketidakpatuhan prosedur – Sama ada pendakwa membuktikan kes melampaui keraguan munasabah – Sama ada campur tangan mahkamah rayuan wajar*

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: *Angkatan tentera – Kesalahan – Tinggal tugas – Akta Angkatan Tentera 1972, s. 54(1)(a) – Sama ada pertuduhan defektif – Sama ada perayu berniat meninggalkan perkhidmatan – Penangkapan dan penahanan perayu – Sama ada sah – Sama ada terdapat kekhilafan undang-undang dan ketidakpatuhan prosedur – Sama ada pendakwa membuktikan kes melampaui keraguan munasabah – Sama ada campur tangan mahkamah rayuan wajar*

Perayu telah didakwa di Mahkamah Tentera Divisyen Keempat Infantri Malaysia ('responden') atas kesalahan bawah perenggan 54(1)(a) Akta Angkatan Tentera 1972 ('AAT'). Perayu adalah Kolonel yang bertugas

A sebagai pakar bius di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Kuala Lumpur (HATTM). Tanpa kebenaran atau tanpa permohonan untuk bercuti, perayu gagal hadir bertugas antara 19 Oktober 2016 hingga 4 Mei 2017. Perayu ditangkap oleh Polis Tentera pada 4 Mei 2017 semasa berada di tempat letak kereta Hospital UMRA di Seksyen 13, Shah Alam, Selangor. B Perayu telah diserahkan pada pasukan HATTM dan kemudiannya dimasukkan ke Pusat Tahanan Angkatan Tentera di Kem Batu Kentonmen, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Pada 8 Mei 2017, perayu dibawa ke hadapan Majistret. Majistret telah mengarahkan perayu dibebaskan kerana didapati tahanan perayu berlawanan dengan prosedur bawah perenggan 174(4) AAT. C Setelah dibebaskan, pada hari yang sama, perayu hadir bertugas di HATTM dan telah ditempatkan di jabatan am hospital tersebut. Lebih kurang tiga bulan kemudian, iaitu pada 4 Ogos 2017, perayu dituduh di hadapan responden kerana meninggalkan tugas. Prosiding tindakan terhadap perayu bermula pada 28 Ogos 2017. Di akhir perbicaraan, responden mendapati perayu bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara tiga bulan dan perayu D ditamatkan perkhidmatannya dengan Angkatan Tentera Malaysia ('ATM'). Terkilan, perayu memfailkan permohonan untuk semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi memohon perintah *certiorari* untuk mengetepikan dan membatalkan perintah responden. Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') mendapati dan memutuskan bahawa tiada sebarang kekhilafan undang- E undang, tindakan tidak rasional atau ketidakpatuhan prosedur dilakukan responden semasa membuat keputusan. Oleh itu, HMT menolak permohonan perayu. Tidak berpuas hati, perayu mengemukakan rayuan ini. Perayu menghujahkan (i) bahawa pertuduhan terhadap perayu bawah perenggan 54(1)(a) AAT adalah defektif kerana tiada langsung keterangan F yang dikemukakan untuk menunjukkan perayu berniat untuk meninggalkan perkhidmatan ATM. Perayu sepatutnya dituduh bawah perenggan 55(a) AAT kerana tidak hadir bertugas tanpa cuti; (ii) bahawa penangkapan dan penahanan perayu bercanggah dengan peruntukan s. 93 serta sub-s. 174(4) AAT dan itu tidak sah. Kesannya adalah, tiada penangkapan yang berlaku ke G atas perayu ketika perayu kembali bertugas pada 8 Mei 2017. Tambahan pula, Pegawai Pemerintah telah menerima kembali perayu untuk bertugas selepas melaporkan diri. Dengan itu, apa-apa kesalahan lalu perayu seolah-olahnya telah diampunkan. Hal tersebut adalah bertentangan dengan dakwaan dan hukuman yang telah dikenakan ke atas perayu; dan (iii) bahawa jika dilihat kepada semua dokumen yang diekshibitkan, dirujuk dan H dibentangkan oleh pihak pendakwa, kesemuanya menunjukkan pada kesalahan perayu kerana tidak hadir bertugas tanpa cuti iaitu suatu kesalahan bawah s. 55 AAT dan bukannya meninggalkan tugas iaitu suatu kesalahan bawah perenggan 54(1)(a) AAT. Oleh itu, pihak pendakwa gagal membuktikan kes melampaui keraguan munasabah.

I

Diputuskan (menolak rayuan perayu)
Oleh Che Mohd Ruzima Ghazali HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Perayu tidak hadir bertugas di HATTM tanpa kebenaran mulai 19 Oktober 2016 sehinggalah ditangkap oleh pihak polis tentera pada 4 Mei 2017. Menurut s. 98(1) ATT, siasatan ke atas dakwaan meninggalkan tugas perlulah dilaksanakan oleh pegawai pemerintah perayu sendiri yang kemudiannya akan mengemukakan laporan siasatan pada pihak berkuasa yang lebih tinggi untuk menentukan pertuduhan yang akan dikenakan terhadap perayu. Dengan itu, keputusan untuk mengenakan pertuduhan bawah perenggan 54(1)(a) AAT ke atas perayu kerana meninggalkan perkhidmatan dengan niat untuk tetap tidak hadir bertugas selama-lamanya adalah keputusan pihak berkuasa yang lebih tinggi perayu sendiri. Oleh itu, budi bicara untuk menentukan pertuduhan ke atas perayu telah dijalankan oleh pihak berkuasa yang diberikan kuasa bawah undang-undang. Mahkamah biasanya tidak akan campur tangan dalam pelaksanaan budi bicara pihak yang berkuasa, lebih-lebih lagi dalam pelaksanaan kuasa budi bicara melaksanakan undang-undang dan peraturan yang disediakan khusus untuk mendisiplinkan pegawai dan anggota tentera. Mahkamah hanya akan campur tangan sekiranya berlaku ketidakadilan semasa perlaksanaan kuasa budi bicara tersebut. (perenggan 21-23)

(2) Daripada keterangan saksi yang dikemukakan pihak pendakwa, tidak dipertikaikan bahawa perayu sememangnya tidak hadir bertugas dari 19 Oktober 2016 sehingga 4 Mei 2017 iaitu lebih kurang enam bulan 25 hari. Tiada sebarang kebenaran yang diperoleh perayu untuk tidak hadir bertugas dalam tempoh berkenaan. Tempoh perayu tidak hadir bertugas agak lama dan tiada sebarang tanda atau petunjuk yang dapat menunjukkan niat perayu untuk kembali bertugas sehinggalah ditangkap pada 4 Mei 2017. Tiada kesilapan yang dilakukan pihak responden apabila memutuskan bahawa pihak pendakwa berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu dan memanggil perayu untuk membela diri atas pertuduhan bawah perenggan 54(1)(a) AAT. Responden berhak membuat inferens bahawa perayu tidak berniat untuk kembali bertugas. Keputusan tersebut tidak dicemari dengan kekhilafan undang-undang, tindakan tidak rasional atau berlakunya ketidakpatuhan prosedur. Tiada sebab untuk mahkamah ini mengubah keputusan yang dicapai responden dan yang telah disahkan HMT. (perenggan 25-30)

(3) Penangkapan yang dilakukan ke atas perayu oleh polis tentera pada 4 Mei 2017 berasaskan kesalahan yang telah dilakukan perayu bawah ATT. Penangkapan perayu adalah sah dan itu tidak boleh dikaitkan dengan kesahan proses penahanan lanjut yang dibuat ke atas perayu selepas itu. Walaupun Majistret memutuskan untuk membebaskan

perayu daripada tahanan setelah mendapati tahanan ke atas perayu bercanggah dengan peruntukan undang-undang, isu tersebut adalah terhad pada perkara yang berkait dengan tahanan lanjut yang dibuat ke atas perayu sahaja dan itu tidak melibatkan isu kesahan tangkapan yang dibuat ke atas perayu sebelum itu. Oleh itu, isu kedua yang dibangkitkan tidak berasas daripada mulanya. (perenggan 32 & 33)

(4) Segala butir-butir berhubungan dengan rekod ketidakhadiran perayu bertugas tanpa kebenaran sepertimana yang dinyatakan dalam pertuduhan adalah perkara fakta yang sudah pun berada dalam pertimbangan responden semasa membuat keputusan. Isu ketiga perayu tidak bermerit untuk diberikan pertimbangan. Lagipun, fakta tentang ketidakhadiran bertugas perayu di HATTM mulai dari 9 Oktober 2016 sehingga ditangkap pada 4 Mei 2017 tidak pernah dipertikaikan perayu. Oleh itu, rayuan perayu tidak bermerit untuk diberikan pertimbangan. Tiada kesilapan dalam keputusan HMT yang mewajarkan campur tangan mahkamah ini. (perenggan 35 & 36)

English *Headnotes*

The appellant was charged at the Court Martial of the Fourth Malaysian Infantry Division ('respondent') for an offence under s. 54(1)(a) of the Armed Forces Act 1972 ('AFA'). The appellant was a Colonel who served as an anaesthetist at the Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Kuala Lumpur (HATTM). The appellant, without permission or without a request for leave, failed to report for duty between 19 October 2016 and 4 May 2017. The appellant was arrested by the military police on 4 May 2017 at the parking lot of UMRA Hospital in Section 13, Shah Alam, Selangor. The appellant was handed over to the HATTM team and was later sent to the Army Detention Centre at Batu Kentonmen Camp Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. On 8 May 2017, the appellant was brought before the Magistrate. The Magistrate ordered the appellant to be released having found that the appellant's detention was contrary to the procedure under s. 174(4) of the AFA. Upon release, on the same day, the appellant was present on duty at HATTM and was placed in the general department of the hospital. About three months later, on 4 August 2017, the appellant was charged before the respondent for desertion. Proceedings of the action against the appellant began on 28 August 2017. At the end of the trial, the respondent found the appellant guilty and he was sentenced to three months' imprisonment and his services with the Malaysian Armed Forces ('MAF') was terminated. Aggrieved, the appellant filed an application for judicial review in the High Court seeking an order of *certiorari* to set aside and quash the respondent's order. The High Court Judge ('HCJ') held that the respondent had not acted unlawfully, irrationally or committed procedural non-compliance in arriving at the decision. Therefore, HCJ dismissed the appellant's application. Dissatisfied, the appellant appealed. The appellant submitted (i) that the

charge against the appellant under s. 54(1)(a) of the AFA was defective as there was no direct evidence to show the appellant intended to leave the MAF service. The appellant should have been charged under s. 55(a) of the AFA for being absent without leave; (ii) that the arrest and detention of the appellant was contrary to the provisions of s. 93 and sub-s. 174(4) of the AFA and that it was void. The effect was that no arrests were made against the appellant when the appellant reported for duty on 8 May 2017. In addition, the Commanding Officers had re-admitted the appellant for duty after reporting himself. Accordingly, the appellant's past misconduct had been pardoned. This was contrary to the allegations and penalties imposed on the appellant; and (iii) that in view of all the documents exhibited, referred and presented by the prosecutor, all pointed to the guilt of the appellant in being absent without leave which was an offence under s. 55 of the AFA instead of desertion which was an offence under s. 54(1)(a) of the AFA. Therefore, the prosecutor failed to prove the case beyond reasonable doubt.

Held (dismissing appellant's appeal)
Per Che Mohd Ruzima Ghazali JCA delivering the judgment of the court:

(1) The appellant was absent from duty at HATTM without permission from 19 October 2016 until he was arrested by the military police on 4 May 2017. According to s. 98(1) of the AFA, the investigation into the allegations of desertion of his duties must be carried out by the appellant's own commanding officer who would then submit an investigation report to a higher authority to determine the charges to be filed against the appellant. With that, the decision to charge the appellant under s. 54(1)(a) of the AFA for desertion of his service with the intention of remaining absent from duty was the decision of the higher authority of the appellant itself. Therefore, the discretion to determine the charge against the appellant had been exercised by the authority as authorised under the law. Courts usually do not intervene in the discretion of the authorities, especially in the exercise of the discretionary powers to implement laws and regulations specifically designed for disciplining the officers and military personnel. The court will only intervene in the event an injustice occurred during the exercise of its discretionary power.

(2) From the testimony of the witnesses submitted by the prosecutor, it was not disputed that the appellant was absent from duty from 19 October 2016 to 4 May 2017, for approximately six months and 25 days. No permission was obtained by the appellant for the absence during the said period. The duration of the appellant's absence from his duties was quite long and there was no sign or indication that showed the appellant's intention to return to duty until his arrest on 4 May 2017. No error was made by the respondent when it determined that the prosecutor had

proved a *prima facie* case against the appellant and called on the appellant to defend himself on the charge under s. 54(1)(a) of the AFA. The respondent had the right to make the inference that the appellant had no intention of returning to duty. These decisions were not tainted with illegality, irrationality or procedural non-compliance. There was no reason for this court to alter the decision made by the respondent which was confirmed by the HCJ.

(3) The arrest of the appellant by the military police on 4 May 2017 was based on an offence committed by the appellant under the AFA. The arrest of the appellant was valid and it could not be attributed to the validity of the further detention process made on the appellant thereafter. Although the Magistrate made the decision to release the appellant from custody after finding the appellant's detention was in dispute with the provisions of the law, the said issue was only constrained to matters relating to further detention of the appellant only and did not involve the issues of the validity of the appellant's arrest before. Thus, the second issue raised was a non-starter from the beginning.

(4) All the details in relation to the record of the appellant's absence without leave as set forth in the charge were facts that had been considered by the respondent when it came to its decision. The third issue raised by the appellant was without merit. After all, the fact that the appellant had not reported for duty at HATTM from 9 October 2016 until his arrest on 4 May 2017 had never been disputed by the appellant. Therefore, the appellant's appeal had no merit to be considered. There was no error in the HCJ's decision that warranted the intervention of this court.

Kes-kes yang dirujuk:

Capt Kamarul Azman Jamaluddin v. Lt Col Wan Abdul Majid Abdullah & Ors [1983] 1 CLJ 227; [1983] CLJ (Rep) 1 PC ***(dirujuk)***

Chief Constable of North Wales Police v. Evans [1982] 3 All ER 141 ***(dirujuk)***

Council Of Civil Service Unions v. Minister For The Civil Service [1985] AC 374 ***(dirujuk)***

Harpers Trading (M) Sdn Bhd v. National Union Of Commercial Workers [1991] 2 CLJ 881; [1991] 1 CLJ (Rep) 159 SC ***(dirujuk)***

Kerajaan Malaysia & Ors v. Tay Chai Huat [2012] 3 CLJ 577 FC ***(dirujuk)***

Peguam Negara Malaysia v. Chin Chee Kow & Another Appeal [2019] 4 CLJ 561 FC ***(dirujuk)***

Peter Chong Ngen Onn & Ors v. Colonel Adam Abubakar & Ors [1976] 1 LNS 93 FC ***(dirujuk)***

R v. Mahoney [1956] 3 All ER 799 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Armed Forces Act 1972, ss. 54(1)(a), 55, 93, 98(1), (3), 174(4)

Bagi pihak perayu - Rejinder Singh, Mohd Fauzi Abdul Samad & Mohammed Nasser Yusof; T/n The Law Chambers Of Fauzi & Nasser

Bagi pihak responden - Ahmad Hanir Hambaly & Noor Atiqah Zainal Abidin, Jabatan Peguam Negara

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat Kolonel Dr Faiz Azraai Abdul Aziz lwn. Mahkamah Tentera Divisyen Keempat Infantri Malaysia [2019] 1 LNS 1586 (disahkan).]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Che Mohd Ruzima Ghazali HMR:

Pendahuluan

[1] Kolonel Dr. Faiz Azraai bin Abdul Aziz (perayu) telah didakwa di Mahkamah Tentera Divisyen Keempat Infantri Malaysia (responden) atas kesalahan di bawah perenggan 54(1)(a) Akta Angkatan Tentera 1972 (AAT 1972). Sabit kesalahan, perayu telah dijatuhkan hukuman penjara selama tiga bulan dan dibuang kerja daripada perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia. Terkilan, perayu memfailkan permohonan untuk semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi memohon perintah *certiorari* bagi mengetepikan dan membatalkan perintah responden bertarikh 27 September 2018.

[2] Setelah meneliti kertas kausa dan menimbangkan penghujahan yang dikemukakan peguam perayu serta penghujahan Peguam Persekutuan yang mewakili responden, Hakim Mahkamah Tinggi (HMT) telah mendapati dan memutuskan bahawa tiada sebarang kekhilafan undang-undang, tindakan tidak rasional atau ketidakpatuhan prosedur yang dilakukan responden semasa membuat keputusan. Oleh itu, HMT memutuskan untuk menolak permohonan perayu. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu mengemukakan rayuan ini.

Fakta Ringkas Tindakan Terhadap Perayu

[3] Perayu memulakan perkhidmatan dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada 2 April 2002. Pada 21 April 2015 perayu telah dinaikkan pangkat sebagai Kolonel yang bertugas sebagai pakar bius di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan (HATTM), Kuala Lumpur.

[4] Tanpa kebenaran atau tanpa permohonan untuk bercuti, perayu telah gagal hadir bertugas antara 19 Oktober 2016 hingga 4 Mei 2017. Perayu telah ditangkap oleh Polis Tentera pada 4 Mei 2017 semasa berada di tempat letak kereta Hospital UMRA di Seksyen 13, Shah Alam, Selangor. Perayu telah diserahkan kepada pasukan HATTM dan kemudiannya telah dimasukkan ke dalam Pusat Tahanan Angkatan Tentera di Kem Batu Kentonmen, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.

[5] Pada 8 Mei 2017 perayu telah dibawa ke hadapan Majistret. Namun begitu, Majistret telah mengarahkan perayu dibebaskan kerana didapati tahanan perayu adalah berlawanan dengan prosedur di bawah perenggan 174(4) AAT 1972. Setelah dibebaskan, pada hari yang sama iaitu kira-kira pukul 3.30 petang, perayu hadir bertugas di HATTM dan telah ditempatkan di Jabatan Am hospital tersebut.

[6] Lebih kurang tiga bulan kemudian, iaitu pada 4 Ogos 2017 perayu telah dituduh di hadapan responden kerana meninggalkan tugas. Prosiding tindakan terhadap perayu bermula pada 28 Ogos 2017. Di akhir perbicaraan, responden telah mendapati perayu bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara tiga bulan dan perayu ditamatkan perkhidmatannya dengan ATM.

[7] Keputusan responden telah disahkan oleh Pegawai Pengesah pada 18 Oktober 2018 dan petisyen rayuan perayu kemudiannya ditolak pada 13 November 2018. Permohonan perayu untuk menyemak keputusan penolakan rayuan juga telah ditolak pada 22 November 2018. .

Rayuan Perayu

[8] Melalui Memorandum Rayuan yang difailkan, perayu mengemukakan 13 alasan rayuan. Namun begitu, semasa berhujah di hadapan kami, peguam perayu hanya membangkitkan tiga isu sahaja. Pertama, berhubung dengan pertuduhan yang dikenakan terhadap perayu. Dihujahkan bahawa pertuduhan terhadap perayu di bawah perenggan 54(1)(a) AAT 1972 adalah defektif kerana tidak ada langsung keterangan yang dikemukakan bagi menunjukkan perayu berniat untuk meninggalkan perkhidmatan ATM. Perayu sepatutnya dituduh di bawah perenggan 55(a) AAT 1972 kerana tidak hadir bertugas tanpa cuti.

[9] Kedua, isu berkait dengan tangkapan dan penahanan salah ke atas perayu. Dihujahkan bahawa penangkapan dan penahanan ke atas perayu bercanggah dengan peruntukan s. 93 serta sub-s. 174(4) AAT 1972 dan ianya tidak sah. Kesannya adalah, tiada penangkapan yang berlaku ke atas perayu ketika perayu kembali bertugas pada 8 Mei 2017 pukul 3.30 petang. Tambahan pula, Pegawai Pemerintah telah menerima kembali perayu untuk bertugas selepas melaporkan diri. Dengan itu, sebarang kesalahan lalu perayu seolah-olahnya telah diampunkan. Hal tersebut adalah bertentangan dengan dakwaan dan hukuman yang telah dikenakan ke atas perayu.

[10] Ketiga, isu berhubung dengan kecelaruan Perintah Bahagian Dua yang merekodkan pergerakan perayu dan perkara-perkara penting berkaitan perihal perayu semasa menghadapi dakwaan di bawah s. 54 AAT 1972. Dihujahkan bahawa butiran-butiran dalam Perintah Bahagian Dua tersebut telah dipinda oleh Pegawai Rekod Pasukan bagi mereka-reka maklumat bagi menyembunyikan kebenaran yang memihak kepada perayu. Dihujahkan seterusnya bahawa, jika dilihat kepada kesemua dokumen yang

diekshibitkan, dirujuk dan dibentangkan oleh pihak pendakwa, kesemuanya menunjukkan kepada kesalahan perayu kerana tidak hadir bertugas tanpa cuti iaitu suatu kesalahan di bawah s. 55 AAT 1972 dan bukannya meninggalkan tugas, suatu kesalahan di bawah perenggan 54(1)(a) AAT 1972. Oleh itu, pihak pendakwa gagal membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah.

Dapatan Kami

[11] Prinsip asas undang-undang berhubung pertimbangan yang dibuat mahkamah ketika berdepan dengan permohonan semakan kehakiman adalah jelas. House of Lords dalam kes *Chief Constable of North Wales Police v. Evans* [1982] 3 All ER 141 memutuskan bahawa:

> Judicial review is not an appeal from a decision but a review of the manner in which the decision was made, and, therefore the court is not entitled on an application for judicial review to consider whether the decision itself was fair and reasonable.
>
> Judicial review is concerned, not with the decision, but with the decision-making process. Unless the restriction on the power of the court is observed, the court will in my view under the guise of preventing the abuse of power, be itself guilty of usurping power.

[12] Di samping itu, terdapat banyak keputusan terdahulu mahkamah tertinggi di negara kita yang membuat keputusan yang sama. Dalam kes *Harpers Trading (M) Sdn Bhd v. National Union Of Commercial Workers* [1991] 2 CLJ 881; [1991] 1 CLJ (Rep) 159; [1991] 1 MLJ 417, Mahkamah Agung ada membuat pemerhatian dan memutuskan sepertimana berikut:

> At the hearing of this appeal we drew at the earliest opportunity the attention of counsel for the appellant while submitting his arguments on the first three grounds that the High Court was not concerned with an appeal but with judicial review by way of certiorari as we felt that counsel was really engaged in arguing the appeal on the merits of the trade dispute. We invited counsel to address us on why *certiorari* should be granted to the appellant instead of making his submission on the question of erroneous finding of the Industrial Court on the facts as it found them. It seems to us that it should be treated as trite law that judicial review is not an appeal from a decision but a review of the manner in which the decision was made and the High Court is not entitled on an application for judicial review to consider whether the decision itself, on the merits of the facts, was fair and reasonable. There is no dearth of authorities on this proposition – *Tan Hin Jin & Anor v. Prabhulal G Doshi* [1971] 1 MLJ 274 per Azmi LP at p. 275 quoting Morris LJ in *R v. Northumberland Compensation Appeal Tribunal, ex p Shaw* [1952] 1 KB 338 at p. 357; *Minister of Labour and Manpower& Anor v. Paterson Candy (M) Sdn Bhd* [1980] 2 MLJ 122 per Chang Min Tat FJ at p 125; *Hotel Equatorial (M) Sdn Bhd v. National Union of Hotel, Bar and Restaurant Workers* [1984] 1 MLJ 363 per Seah FJ

A at p. 368 and *Goon Kwee Phoy v. J & P Coats (IVI) Bhd* [1981] 2 MLJ 129 per Raja Azlan Shah CJ (Malaya) (as he then was) at p. 136 paras. A-C in the right hand column.

[13] Dalam membuat pertimbangan pula, alasan-alasan yang boleh diambil kira bagi menyemak keputusan oleh badan atau tribunal yang berkenaan B hanyalah terhadap keputusan yang dicemari dengan kekhilafan undang-undang, tidak rasional atau berlakunya ketidakpatuhan prosedur. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Peguam Negara Malaysia v. Chin Chee Kow & Another Appeal* [2019] 4 CLJ 561; [2019] MLJU 202 telah merujuk kepada ucapan Lord Diplock dalam kes *Council Of Civil Service Unions v. Minister For The* C *Civil Service* [1985] AC 374 yang menggariskan tiga alasan klasik berikut untuk semakan kehakiman:

> Judicial review has I think developed to a stage today when ... one can conveniently classify under three heads the grounds upon which administrative action is subject to control by judicial review. The first D ground I would call "illegality", the second "irrationality" and the third "procedural impropriety." ...
>
> By "illegality" as a ground for judicial review I mean that the decision-maker must understand correctly the law that regulates his decision-making power and must give effect to it. Whether he has or not is *par excellence* a justiciable question to be decided, in the event of dispute, E by those persons, the judges, by whom the judicial power of the state is exercisable.
>
> By 'irrationality' I mean what can now succinctly be referred to as *"Wednesbury unreasonableness" (Associated Provincial Picture Houses Ltd v. Wednesbury Corporation* [1948] 1 KB 223). It applies to a decision which F is so outrageous in it defiance of logic or of accepted moral standards that no reasonable person who had applied his mind to the question to be decided could have arrived at it.
>
> I have described the third head as "procedural impropriety" rather than failure to observe basic rules of natural justice to act with procedural G fairness towards the person who will be affected by the decision. This is because susceptibility to judicial review under this head covers also failure by an administrative tribunal to observe procedural rules that are expressly laid down in the legislative instrument by which its jurisdiction is conferred, even where such failure does not involve any denial of natural justice.

H **[14]** Selain itu, perlulah ditekankan bahawa Mahkamah Tinggi yang mendengar permohonan semakan kehakiman biasanya tidak akan mengusik atau tidak akan campur tangan dalam keputusan Mahkamah Tentera yang mana penubuhannya adalah khusus bagi meminda dan menyatukan undang-undang yang berhubungan dengan penubuhan, pentadbiran dan tatatertib I angkatan tentera sepertimana yang dinyatakan secara jelas dalam Tajuk

Panjang AAT 1972. Campur tangan terhadap keputusan Mahkamah Tentera hanya akan dibuat sekiranya dapat dibuktikan bahawa keputusan tersebut akan menyebabkan atau mungkin secara munasabah boleh dijangkakan akan menyebabkan berlakunya ketidakadilan yang serius. Lihat keputusan Privy Council dalam kes *Capt Kamarul Azman Jamaluddin v. Lt Col Wan Abdul Majid Abdullah & Ors* [1983] 1 CLJ 227; [1983] (Rep) 1; [1983] 2 MLJ 4; [1983] WLR 579.

[15] Pendirian serupa diputuskan dalam kes *Peter Chong Ngen Onn & Ors v. Colonel Adam Abubakar & Ors* [1976] 1 LNS 93; [1977] 2 MLJ 142. Di ms. 147, Mahkamah Persekutuan ada membuat pemerhatian sepertimana berikut:

> With all due respect to Datuk Suppiah who appeared on behalf of the appellants I do not think that there is merit in D1 appeal, since the law is that the court will not intervene in matters relating to military law prescribing rules for the guidance of officers. It was so held in *The King v. the Army Council Ex parte Ravenscrof* [1917] 2 KB 504. By regulations made under section 70 of the Army Act in the United Kingdom for holding military courts of inquiry, it is provided that previous notice should be given of the time and place of the meeting of a court of inquiry, and of all adjournments of that court, to all persons concerned in the inquiry; and that whenever an inquiry affects the character or military reputation of an officer, full opportunity must be afforded to the officer of being present throughout the inquiry. An officer whose conduct was brought before a court of inquiry by the order of a general officer in command, complained that the above regulations had not been complied with, and that as the result of evidence given before the court he had been ordered by the Army Council to revert to half-pay. He applied to the Army Council, who refused to reopen the matter. He applied for *mandamus* to command the Army Council to cause the court of inquiry to reassemble to hear and determine the case according to law. His application was rejected by the Divisional Court. Viscount Reading C.J. at pages 509, 510 and 511 said:
>
> > It is to be observed that the complaint of the [applicant] before this court is that he had no notice of the reassembly of the court of inquiry, and therefore no opportunity of cross-examining the witnesses and giving his own explanation. These matters would be very relevant If we were considering the procedure of a civil court. He relies on the Regulations for Courts of Inquiry which, as he says, have been infringed.
> >
> > ... It appears to me that this is a military matter. The [applicant] was under military law. His complaint, if any, is against his superior officer who directed the convening of the court of inquiry and the officer who in his view wronged him by not giving him a proper opportunity of presenting himself on the last two occasions when the court of inquiry met.

A The learned Chief Justice dismissed the application because of the general principle which he stated earlier on during his judgment at page 508:

> ... I have no doubt that this court has no power to interfere with matters of military conduct and purely military law affecting military rules for the guidance of officers or discipline generally. In
B *R v. Secretary of State for War Ex parte Martyn* [1949] 1 All ER 242 the Divisional Court said that the court could only interfere with military courts and matters of military law in so far as the civil rights of a soldier might be affected, and, therefore, if a court martial had not been convened in accordance with the Rules of Procedure the court had no jurisdiction to interfere. Lord Goddard
C C.J. said at page 243:
>
> If the court martial in the present case has not observed the proper rules of procedure, that is a matter for the convening officer, and, if necessary, the Judge Advocate General to deal with, but it is not a matter for this court, which can only interfere with military courts and matters of military law in so far as the civil rights of the soldier
D or other person with whom they deal may be affected. This application really amounts to asking us to decide that the members of the court martial were wrong in holding that they had been convened in accordance with the Rules of Procedure, but that is purely a matter of military law and procedure and not one to
E interfere with which this court has any jurisdiction.

[16] Berbalik kepada rayuan perayu dihadapan kami, isu pertama yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan pertuduhan yang dikenakan. Dihujahkan bahawa tuduhan terhadap perayu adalah defektif kerana tidak ada langsung keterangan yang dikemukakan bagi menunjukkan perayu
F berniat untuk meninggalkan perkhidmatan ATM. Perayu sepatutnya dituduh tidak hadir bertugas tanpa cuti di bawah s. 55 AAT 1972 dan bukannya di bawah perenggan 54(1)(a) AAT 1972.

[17] Berhubung dengan isu pertama ini, peguam perayu nampaknya fokus kepada perkara berkaitan dengan pertuduhan yang dikenakan ke atas perayu.
G Daripada hujahan secara bertulis mahupun hujahan lisan, perkara utama yang disentuh adalah berhubung dengan beban pembuktian yang dipikul pihak pendakwa dalam prosiding di hadapan responden iaitu mengenai elemen-elemen pertuduhan yang tidak dibuktikan, terutamanya elemen niat perayu untuk meninggalkan perkhidmatan ATM selama-lamanya. Namun begitu,
H peguam perayu tidak pula menyatakan prinsip undang-undang mana yang gagal dipatuhi responden semasa membuat keputusan yang mewajarkan keputusan responden dibatalkan melalui semakan kehakiman.

[18] Daripada apa yang telah dihujahkan peguam perayu tersebut, kami merumuskan bahawa ada dua perkara yang perlu diberikan pertimbangan
I bagi menentukan sama ada keputusan responden tidak terpalit dengan kekhilafan undang-undang, tidak rasional atau berlakunya ketidakpatuhan

prosedur yang mewajarkan campur tangan HMT dalam prosiding semakan kehakiman. Pertama, mengenai pertuduhan yang dikenakan terhadap perayu dan kedua, mengenai pembuktian yang dikemukakan bagi membuktikan pertuduhan tersebut.

[19] Pertuduhan yang dihadapi perayu di hadapan responden adalah sepertimana berikut:

> **Tinggal Tugas Yang Bertentangan Dengan Seksyen 54(1)(a) Akta Angkatan Tentera 1972.**
>
> iaitu ia, di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, No. 3 Jalan 4/27A, Seksyen 2 Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur telah meninggalkan perkhidmatan Seri Paduka Baginda mulai 19 Oktober 2016 jam lebih kurang 0930 hingga 04 Mei 2017 jam lebih kurang 1330 dengan niat pada masa meninggalkan atau ada niat kemudiannya untuk tetap tidak hadir bertugas selama-lamanya.

Setelah pertuduhan dibaca, perayu telah minta dibicarakan di atas pertuduhan yang dikenakan. Rekod perbicaraan (RP) bagi prosiding di hadapan responden dapat dilihat di ms. 115 hingga 290 rekod rayuan di kandungan 35. Sepanjang prosiding perbicaraan, perayu telah diwakili peguam.

[20] Dalam prosiding semakan kehakiman di hadapan HMT dan juga dalam rayuan di hadapan kami, peguam perayu mempertikaikan pertuduhan yang dikenakan terhadap perayu. Oleh kerana isu utama yang dibangkitkan berkaitan dengan pertuduhan yang dikenakan terhadap perayu, wajarlah kedua-dua peruntukan undang-undang yang dirujuk peguam perayu dilihat. Perayu telah dituduh di bawah perenggan 54(1)(a) AAT 1972 sepertimana berikut:

> **Tinggal tugas**
>
> 54(1) Tiap-tiap orang yang tertakluk kepada undang-undang perkhidmatan di bawah Akta ini yang:
>
> (a) meninggalkan tugas; atau
>
> (b) ...,
>
> boleh, apabila disabitkan oleh mahkamah tentera, dipenjarakan atau dikenakan apa-apa hukuman yang lebih ringan yang diperuntukkan oleh Akta ini: .
>
> Dengan syarat bahawa seseorang tidak boleh dipenjarakan selama tempoh lebih daripada dua tahun melainkan:
>
> (i) jika kesalahan itu terhadap perenggan (a), dia telah berada dalam perkhidmatan giat atau di bawah perintah supaya menjalankan perkhidmatan giat pada masa kesalahan itu dilakukan; atau
>
> (ii) ... .

A (2) Bagi maksud Akta ini seseorang meninggalkan tugas jika dia:

(a) meninggalkan Perkhidmatan Seri Paduka Baginda, atau apabila menjadi kewajipannya untuk berbuat demikian, tidak masuk atau tidak masuk semula dalam Perkhidmatan Seri Paduka Baginda, dengan (dalam mana-mana satu hal itu) niat, sama ada yang wujud
B pada masa dia meninggalkan atau tidak masuk atau tidak masuk semula dalam Perkhidmatan Seri Paduka Baginda itu ataupun yang terbentuk kemudiannya, hendak meninggalkan kewajipannya buat selama-lamanya;

(b) tidak hadir tanpa cuti dengan niat hendak menghindarkan daripada berkhidmat di mana-mana tempat luar negeri atau untuk
C menghindar perkhidmatan atau mana-mana perkhidmatan tertentu apabila berhadapan dengan musuh;

(c) ...;

(d) ... .

D dan sebutan dalam Akta ini mengenai tinggal tugas hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

(3) Sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti apa-apa hukuman yang diperuntukkan oleh subseksyen (1), mahkamah tentera yang mensabitkan askar-askar itu atas kesalahan tinggal tugas boleh mengarahkan supaya
E dilucut hak kesemua atau mana-mana bahagian daripada perkhidmatannya sebelum dari tempoh yang mengenainya dia telah disabitkan atas kesalahan tinggal tugas itu.

Manakala pertuduhan yang sepatutnya dikenakan terhadap perayu mengikut hujahan peguam perayu di bawah perenggan 55(a) AAT 1972 adalah seperti
F berikut:

Tidak hadir tanpa cuti

55. Tiap-tiap orang yang tertakluk kepada undang-undang perkhidmatan di bawah Akta ini yang:

G (a) tidak hadir tanpa cuti; atau

(b) ...,

boleh, apabila disabitkan oleh mahkamah tentera, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau dikenakan apa-apa hukuman yang lebih ringan yang diperuntukkan oleh Akta ini.

H **[21]** Dalam tindakan yang diambil terhadap perayu, adalah tidak dipertikaikan bahawa perayu telah tidak hadir bertugas di HATTM tanpa kebenaran mulai dari 19 Oktober 2016 sehinggalah ditangkap oleh pihak Polis Tentera pada 4 Mei 2017. Menurut sub-s. 98(1) AAT 1972, selepas menyiasat sesuatu pertuduhan terhadap seseorang pegawai bertauliah yang
I melakukan kesalahan yang mewajarkan tindakan dikenakan, pegawai

memerintah hendaklah mengemukakan hasil siasatan kepada pihak berkuasa yang lebih tinggi yang kemudiannya akan memutuskan pertuduhan untuk tujuan perbicaraan di mahkamah tentera seperti yang diperuntukkan di bawah sub-s. 98(3). Untuk memudahkan rujukan, diperturunkan peruntukan berkenaan sepertimana berikut:

> **Prosiding selanjutnya mengenai pertuduhan terhadap pegawai bertauliah dan pegawai waran**
>
> 98(1) Selepas menyiasat sesuatu pertuduhan terhadap seseorang pegawai bertauliah atau pegawai waran, pegawai memerintah hendaklah, kecuali jika dia telah menolak pertuduhan itu, mengemukakannya mengikut cara yang ditetapkan kepada pihak berkuasa yang lebih tinggi; dan kemudiannya hendaklah diputuskan oleh pihak berkuasa itu bagaimana pertuduhan itu hendak dibicarakan mengikut kedua-dua subseksyen yang berikut ini.
>
> (2) Jika pertuduhan itu ialah suatu pertuduhan yang boleh dibicarakan terus, ia boleh dirujukkan kepada pihak berkuasa atasan yang berkenaan.
>
> (3) Jika pertuduhan itu tidak dirujukkan sedemikian, langkah yang ditetapkan hendaklah diambil dengan tujuan supaya pertuduhan itu dibicarakan oleh mahkamah tentera.
>
> (4) ...
>
> (5) ...
>
> (6) ...

[22] Daripada peruntukan undang-undang tersebut, jelaslah bahawa siasatan ke atas dakwaan meninggalkan tugas perlulah dilaksanakan oleh pegawai pemerintah perayu sendiri yang kemudiannya akan mengemukakan laporan siasatan kepada pihak berkuasa yang lebih tinggi bagi menentukan pertuduhan yang akan dikenakan terhadap perayu. Dengan itu, keputusan untuk mengenakan pertuduhan di bawah perenggan 54(1)(a) AAT 1972 ke atas perayu kerana meninggalkan perkhidmatan dengan niat untuk tetap tidak hadir bertugas selama-lamanya adalah keputusan pihak berkuasa yang lebih tinggi perayu sendiri.

[23] Oleh itu, budi bicara bagi menentukan pertuduhan ke atas perayu telah dijalankan oleh pihak berkuasa yang diberikan kuasa di bawah undang-undang. Mahkamah biasanya tidak akan campur tangan dalam perlaksanaan budi bicara pihak yang berkuasa lebih-lebih lagi dalam perlaksanaan kuasa budi bicara melaksanakan undang-undang dan peraturan yang disediakan khusus untuk mendisiplinkan pegawai dan anggota tentera. Mahkamah hanya akan campur tangan sekiranya berlaku ketidakadilan semasa perlaksanaan kuasa budi bicara tersebut. Lihat keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Peter Chong Ngen Onn & Ors v. Col Adam bin Abubakar & Ors* (*supra*).

[24] Berhubung dengan isu yang sama, perkara berkaitan dengan beban pembuktian pihak pendakwa turut dibangkitkan peguam perayu. Daripada penelitian kami ke atas RP, jelaslah bahawa segala keterangan berkaitan dengan pertuduhan ke atas perayu telah dikemukakan oleh pihak pendakwa. Seramai enam orang saksi telah dipanggil pihak pendakwa untuk memberi keterangan dan di akhir kes pendakwaan, responden telah memanggil perayu untuk membela diri setelah mendapati pihak pendakwa berjaya membuktikan kes di peringkat *prima facie.*

[25] Daripada keterangan saksi yang dikemukakan pihak pendakwa, tidak dipertikaikan bahawa perayu sememangnya tidak hadir bertugas dari 19 Oktober 2016 sehingga 4 Mei 2017 iaitu lebih kurang enam bulan 25 hari. Tiada sebarang kebenaran yang diperoleh perayu untuk tidak hadir bertugas dalam tempoh berkenaan. Kami bersetuju dengan HMT yang mendapati bahawa tempoh perayu tidak hadir bertugas agak lama dan tiada sebarang tanda atau petunjuk yang dapat menunjukkan niat perayu untuk kembali bertugas sehinggalah ditangkap pada 4 Mei 2017. Menurut keterangan, perayu berpakaian biasa semasa ditangkap dan memohon untuk memakai semula uniform tentera hanya setelah ditangkap.

[26] Fakta berhubung dengan ketidakhadiran bertugas tanpa kebenaran oleh perayu adalah sama dengan fakta dalam kes *R v. Mahoney* [1956] 3 All ER 799. Ketika berdepan dengan persoalan sama ada Mahoney berniat untuk kembali bertugas setelah meninggalkan perkhidmatan mulai 9 Oktober sehingga ditangkap pada 13 April iaitu selama enam bulan empat hari, Lord Goddard CJ telah mengemukakan pandangan seperti berikut:

> The court-martial, therefore, had before them evidence that the appellant was absent from his unit from Oct. 9 to Oct. 31. They also had evidence that he was arrested on Apr. 13. *Counsel for the appellant with some courage has asked the court to say that on those facts the court-martial were not justified in drawing the inference that he was absent from his unit from the day when the absence began. Oct. 9, till his arrest. I can only say that I cannot agree to that. It seems to me that where a man is found to be absent without leave from Oct. 9 to Oct. 31, and has then to be arrested and is not arrested till Apr. 13. the inference is that he has been absent from his unit the whole of that time. If a man is absent from Oct. 9 to Oct. 31, I should say that that is ample time on which a court-martial might hold that he did not intend to return. Why he did not intend to return has to be explained by him.* No explanation being given, there was ample evidence here on which the court-martial could hold that the appellant was absent from his unit from Oct. 9 till his arrest on Apr. 13, and therefore there was ample evidence that he had been absent for so long a time that, in the absence of any explanation by him, he intended to desert Her Majesty's Force. (penekanan ditambah)

[27] Daripada keterangan saksi-saksi pihak pendakwa sepertimana yang dapat dilihat dalam RP, kami mendapati bahawa tiada kesilapan yang dilakukan pihak responden apabila memutuskan bahawa pihak pendakwa berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap perayu dan memanggil perayu untuk membela diri di atas pertuduhan di bawah perenggan 54(1)(a) AAT 1972. Berasaskan fakta berkaitan dengan ketidakhadiran perayu bertugas selama lebih kurang enam bulan 25 hari tanpa kebenaran, responden berhak untuk membuat inferens bahawa perayu tidak berniat untuk kembali bertugas. Keputusan tersebut tidak dicemari dengan kekhilafan undang-undang, tidak rasional atau berlakunya ketidakpatuhan prosedur.

[28] Di peringkat pembelaan pula, perayu sendiri telah memberikan keterangan pembelaan. Isu berkaitan dengan masalah peribadi, masalah dengan pihak atasan di tempat kerja dan masalah kesihatan yang dihadapi telah dikemukakan dengan terperinci untuk pertimbangan responden. Responden sebagai pihak yang mendengar dan membuat penilaian ke atas segala keterangan yang dikemukakan dalam prosiding di hadapannya adalah lebih layak dan berhak untuk membuat keputusan.

[29] Dapatan responden yang mendapati perayu gagal menunjukkan niat untuk kembali bertugas setelah mendengar keterangan pembelaan perayu adalah dapatan fakta yang biasanya tidak akan diusik di peringkat semakan kehakiman. Berhubung hal tersebut, Mahkamah Persekutuan dalam kes *Kerajaan Malaysia & Ors v. Tay Chai Huat* [2012] 3 CLJ 577; [2012] 3 MLJ 149 ada membuat pemerhatian berikut:

> [32] ... It must be stressed that the courts cannot introduce technicalities of a court of law to the disciplinary authority. Further, courts do not normally regard it as their function to interfere with the findings of fact by the disciplinary authority. In *R v. Deputy Industrial Injuries Commissioner, ex p Moore* [1965] 1 QB 456, Diplock LJ said (at p. 488):
>
> > These technical rules of evidence, however, form no part of the rules of natural justice. The requirement that a person exercising quasi-judicial functions must base his decision on evidence means no more than it must be based upon material which tends logically to show the existence or non-existence of facts relevant to the issue to be determined, or to show the likelihood or unlikelihood of the occurrence of some future event the occurrence of which would be relevant. It means that he must not spin a coin or consult an astrologer, but he may take into account any material which, as a matter of reason, has some probative value, the weight to be attached to it is a matter for the person to whom Parliament has entrusted the responsibility of deciding the issue. **The supervisory jurisdiction of the High Court does not entitle it to usurp this responsibility and to substitute its own view for his.**
> >
> > (emphasis added)

Berkaitan dengan kuasa mahkamah yang mendengar semakan kehakiman pula, Mahkamah Persekutuan dalam kes yang sama di perenggan [36] keputusan telah memutuskan bahawa:

> [36] The courts have very limited review powers over administrative determinations of public bodies and are constrained to confirm the findings in disciplinary hearings. The courts will only intervene in disciplinary cases where there was a fundamental procedural flaw. The courts cannot exceed its role in cases of this genre as the instant appeal. The courts cannot interfere merely because it may come to different conclusions on facts on the same basis of the same evidence. Weighing and assessing the evidence is the function of the disciplinary authority which is the body to which the legislature has entrusted the responsibility of deciding the issue, and not the courts. Hence, the court should approach cases of this genre as the instant appeal in the following way, namely, whether there has been an error in the process or whether there was procedural irregularity in the decision-making proceedings leading to the public officer's dismissal.

[30] Daripada penelitian kami ke atas RP, kami berpandangan bahawa tiada kesilapan yang dilakukan responden semasa menilai dan membuat pertimbangan ke atas keterangan yang dikemukakan sama ada di pihak pendakwa ataupun di pihak perayu. Dengan itu, tiada sebab untuk kami mengubah keputusan yang dicapai responden dan yang telah disahkan HMT.

[31] Beralih kepada isu kedua, peguam perayu telah membangkitkan isu berkaitan dengan tangkapan dan penahanan salah ke atas perayu dengan merujuk kepada peruntukan s. 93 dan sub-s. 174(4) AAT 1972. Dihujahkan bahawa tiada penangkapan yang dilakukan ke atas perayu ketika perayu kembali bertugas pada 8 Mei 2017 pukul 3.30 petang iaitu selepas perayu dilepaskan daripada tahanan reman oleh Majistret. Begitu juga dengan tindakan pegawai pemerintah yang menerima kembali perayu bertugas setelah melaporkan diri. Tindakan tersebut menunjukkan bahawa kesalahan yang dilakukan perayu telah diampunkan, bertentangan dengan pertuduhan yang dikenakan ke atas perayu.

[32] Dengan hormatnya, kami berpandangan bahawa isu kedua yang dibangkitkan tidak berasas daripada mulanya (a non-starter). Penangkapan yang dilakukan ke atas perayu oleh Polis Tentera pada 4 Mei 2017 berasaskan kesalahan yang telah dilakukan perayu di bawah AAT 1972. Kami mendapati bahawa penangkapan ke atas perayu adalah sah dan ianya tidak boleh dikaitkan dengan kesahan proses penahanan lanjut yang dibuat ke atas perayu selepas itu.

[33] Walaupun Majistret memutuskan untuk membebaskan perayu daripada tahanan setelah mendapati tahanan ke atas perayu bercanggah dengan peruntukan undang-undang, kami berpandangan bahawa isu tersebut

adalah terhad kepada perkara yang berkait dengan tahanan lanjut yang dibuat ke atas perayu sahaja dan ianya tidak melibatkan isu kesahan tangkapan yang dibuat ke atas perayu sebelum itu.

[34] Akhirnya, peguam perayu membangkitkan isu kecelaruan Perintah Bahagian Dua yang merekodkan pergerakan dan perkara-perkara penting berkenaan perilaku perayu dalam menghadapi pertuduhan di bawah s. 54 AAT 1972 dalam isu ketiga. Peguam perayu merujuk kepada Perintah Bahagian Dua Siri 10 bertarikh 5 Mei 2017, Siri 11 bertarikh 11 Mei 2017 dan Siri 32 bertarikh 16 Disember 2017 yang disediakan Mejar Hassan bin Masrom, Pegawai Rekod HATTM yang dikatakan telah dipinda pada 10 Ogos 2017 oleh Mejar Wardina binti Abdul Wahab, Pegawai Rekod pasukan yang baru melalui Perintah Bahagian Dua Siri 18.

[35] Setelah diteliti, kami mendapati bahawa segala butir-butir berhubung dengan rekod ketidakhadiran perayu bertugas tanpa kebenaran sepertimana yang dinyatakan dalam pertuduhan adalah perkara fakta yang sudah pun berada dalam pertimbangan responden semasa membuat keputusan. Mengguna pakai prinsip undang-undang yang telah diputuskan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Kerajaan Malaysia & Ors v. Tay Chai Huat* (*supra*) seperti yang dinyatakan di perenggan [29] di atas, kami mendapati bahawa isu ketiga perayu tidak bermerit untuk diberikan pertimbangan. Lagipun, fakta tentang ketidakhadiran bertugas perayu di HATTM mulai dari 9 Oktober 2016 sehingga ditangkap pada 4 Mei 2017 tidak pernah dipertikaikan perayu.

Kesimpulan

[36] Berdasarkan alasan-alasan yang telah dinyatakan tersebut, kami sebulat suara mendapati dan memutuskan bahawa rayuan perayu tidak bermerit untuk diberikan pertimbangan. Tiada kesilapan dalam keputusan HMT yang mewajarkan campur tangan kami di peringkat rayuan. Rayuan perayu ditolak tanpa sebarang perintah dibuat ke atas kos.